

Bab 6

Kitab Taiyib al-Ihsān Fi Tibb al-Insān: Konsep Kesihatan dan Farmakologi

6.1 Pengenalan

Kitab *Taiyib al-Ihsān Fi Tibb al-Insān* ini adalah sebuah teks perubatan dalam bahasa Melayu klasik yang dikarang oleh seorang ulama Melayu yang terkenal iaitu Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatani. Teks yang digunakan untuk kajian ini adalah kitab jawi yang dicetak di Pulau Pinang dalam tahun 1954.¹ Di bahagian kolofon kitab ini pengarangnya mencatatkan bahawa kitab ini telah siap ditulis dalam tahun 1312 Hijrah iaitu bersamaan tahun 1894 masihi. Selain daripada *Kitab Taiyib al-Ihsān*, terdapat dua lagi karya beliau yang menyentuh bidang perubatan khususnya farmakologi dan rawatan psikosomatik iaitu *Kitab Hadiqatul azhar* dan *Kitab Luqatul Ajlan*.

Dari segi falsafah perubatan, aspek fisiologi serta aspek farmakologi teks ini memperlihatkan pengaruh Galenisme Arab yang tebal. Tetapi kitab ini mempunyai kedudukan yang tersendiri kerana ia memberikan lebih banyak penemuan-penemuan

¹ Pengkaji berpeluang melihat teks cetakan kedua yang dicetak di Makkah dalam tahun 1914. Teks ini ada dalam koleksi peribadi cucu Syeikh Ahmad iaitu Haji Wan Muhammad Saghir bin Abdullah, penulis sejarah hidup Syeikh Ahmad al-Fatani.

baru dalam bidang famarkologi berdasarkan pemerhatian dan penyelidikan penulisnya sendiri. Pengarangnya mendapat banyak maklumat dari sumber Arab dan juga sumber dunia Melayu melalui perhubungannya dengan ahli perubatan Islam di Makkah² dan Mesir serta hasil pergaulan beliau dengan orang-orang Melayu sendiri. Kitab ini boleh dikatakan adalah sintesis antara kitab-kitab perubatan Arab dengan kitab-kitab Tibb dari alam Melayu.

Pengarang kitab ini, Syeikh Ahmad bin Muhammad Zayn al-Fatani adalah seorang ulama Asia Tenggara yang terkenal yang berasal dari Petani di Selatan Thailand. Beliau telah dilahirkan dalam tahun 1856 di Jambu, Petani dan meninggal dunia di Makkah dalam tahun 1908.³ Walaupun kebanyakkan karya beliau dihasilkan di Makkah, tetapi karya-karya beliau khusus ditulis untuk orang Melayu di Asia Tenggara dan hubungan beliau dengan Asia Tenggara amat rapat. Beliau pernah melakukan beberapa ekspedisi ke Asia Tenggara hingga sampai ke Kemboja dalam usaha dakwahnya.⁴ Dalam perjalanan beliau ini, beliau juga mengumpulkan maklumat-maklumat tentang berbagai ilmu seperti bahasa dan juga materia-medika baru yang terdapat di kawasan-kawasan berkenaan. Banyak materia medika yang terdapat dalam kitabnya ini diperolehi hasil interaksi beliau dengan jamaah-jamaah haji dari Asia Tenggara yang menunaikan haji di Makkah. Contohnya dalam kitabnya ini, Syeikh Ahmad mencatatkan perihal seekor binatang yang dinamakan "dendang" yang hanya boleh ditemui di Paka, Terangganu yang boleh digunakan untuk mengubat

² Snouck Hurgronje yang melawat Makkah ketika Syeikh Ahmad Fatani masih hidup menceritakan tentang ramainya doktor-doktor dari Turki yang ketika itu mempraktikkan ilmu perubatan mereka di Makkah walaupun setengah penduduk Makkah bersikap dingin terhadap mereka. Lihat Hurgronje, C., Snouck, *Mekka in the Latter Part of the 19 Century: Daily Life Customs and Learning, the Moslims of east Indian Archipelego*.(terj Monahan J. H.) (Leiden: EJ Brill Ltd., 1970)

³ Untuk sejarah hidup tokoh ini sila lihat H.W.M. Saghir Abdullah, *Fatawa tentang Binatang Hidup Dua Alam Syeikh Ahmad al-Fatani*.(Shah Alam: Percetakan Hizbi,1990) hal. 33

⁴ Ibid.,hal 50

penyakit karang dan membuang kotoran dalam badan. Syeikh Ahmad memberikan gambaran yang jelas tentang binatang ini iaitu katanya, ia sebesar sorok-sorok dan memabukkan jika dimakan sekali gus. Untuk dijadikan ubat, seekor dendang hendaklah dibahagi empat dan dimakan empat kali dan jika terasa mabuk hendaklah dipulihkan dengan meminum air kelapa.⁵ Sheikh Ahmad Fatani menyatakan keyakinannya dalam kitabnya ini bahawa alam Melayu mempunyai sumber yang amat besar dalam bidang farmakologi kerana hutan-hutannya yang yang luas dengan berbagai-bagai jenis tumbuhan.⁶

Penulis Kitab ini juga mengetahui tentang adanya *kitab-kitab Tibb* atau disebut sebagai *Daftar Tibb* yang terdapat di Alam Melayu ketika itu. Walaupun Sheikh Ahmad Fatani mengakui terdapat pengetahuan farmakologi dan terapeutik yang sahih dalam kitab-kitab Tibb ini tetapi isi kandungan kitab-kitab ini juga bercampur aduk dengan perkara-perkara yang tidak dapat diterima oleh akal rasional. Antaranya ialah jampi-mentera yang bersifat kehinduan yang menyebut nama-nama dewa tertentu. Ulasan beliau tentang hal ini adalah seperti berikut;

Bahkan ada juga bagi mereka itu beberapa daftar Tibb (kitab Tibb) mempunyai kalam yang sedikit tahrirnya, lagi naskahnya sangat sedikit adanya, melengkapi ia atas beberapa banyak ubat dan mengubati serta bercampur dengan khurafat jampi-jampi yang direngkahkan yang bersembunyi tafsirnya, atau nyata dustanya. Seperti kata mereka itu, Om atau Maha anu aku tahuhan asalmu, dan lainnya yang dibenci mendengarkan dia oleh yang berakal. Tetapi serta bergaul dengan demikian itu rengkahan yang belok, tetapi tiada sunyi ia daripada beberapa banyak ubat yang baik lagi elok⁷

⁵ *Kitab Taiyib al-Ihsān*, hal. 39. Hal ini juga disebut oleh pengarang ini dalam kitabnya *Hadiqatul Azhar*, hal. 159. Gimlette menyebutkan bahawa dendang ini atau nama saintifiknya Coleoptera adalah satu bahan yang dijadikan racun di Kelantan. Lihat Gimlette, *Malay Poisons and Charm Cures*, hal. 285

⁶ *Taiyib al-Ihsān*, hal 4

⁷ *Ibid.*, hal. 3

Walaupun penulis kitab ini mempunyai maklumat yang agak banyak tentang kitab-kitab perubatan Melayu yang awal tetapi beliau tidak menyebut tentang kewujudan kitab *Bustān al-Salātīn* walaupun Syeikh Ahmad Fatani amat biasa dengan nama Shaykh Nūr al-Dīn al-Rānīrī malah menjadi seorang pentasyih (editor) kepada kitab *Sirātul Mustaqīm* karya Shaykh Nūr al-Dīn.⁸ Ini mungkin disebabkan kerana beliau lebih banyak menghabiskan masanya di Timur Tengah dan *Kitab Bustān al-Salātīn* tidaklah sebanyak Kitab Tibb yang tersebar ketika itu. Malah *Kitab Bustān al-Salātīn* sendiri adalah sebuah karya besar yang mengandungi berbagai-bagai perkara seperti falsafah, sejarah, ketatanegaraan dan lain-lain tetapi tidak terkenal sebagai sebuah kitab tentang perubatan.

Pengetahuan Sheikh Ahmad Fatani tentang sejarah perubatan juga mendalam. Beliau menyedari wujud hubungan antara pengetahuan perubatan yang dimiliki oleh orang-orang Islam dengan ilmu perubatan yang berasal dari Yunani. Perkembangan ilmu perubatan ini menjadi tersebar bila kitab-kitab perubatan Yunani ini diterjemahkan ke dalam bahasa Arab oleh sarjana-sarjana Islam dalam zaman pemerintahan Khalifah Harun al-Rashid, dari sinilah ilmu perubatan berkembang sampai ke Eropah dan menjadi asas dalam perubatan moden. Malah banyak materia-medika yang diketahui oleh orang Eropah adalah berasal dari negeri-negeri sebelah Timur seperti alam Melayu ini. Sejarah ilmu perubatan dan farmakologi diterangkan dalam *Kitab Taiyib al-Ihsān* seperti berikut:

Dan telah kami harap bahawa membuka Allah akan hati seorang yang mempunyai hemah yang tinggi maka bersungguh-sungguh ia mencubakan pohon kayu dan tumbuh-tumbuhan dan lainnya daripada barang yang ada pada bumi Melayu dan memperiksakan pada demikian itu dan disuratkan beberapa faedahnya dan khasiatnya dan pangkat segala tabiatnya dan kifayat istikmal (gunaan) seperti barang yang memperbuatkan demikian itu oleh hukama

⁸ Lihat, Wan Mohammad Saghir Abdullah, *Fatāwa Tentang Binatang Dua Alam* Syeikh Ahmad al-Fatani, hal. 39

Yunani pada masa yang dahulu dengan beribu-ribu tahun kemudian mengambil daripada mereka itu oleh hukama Arab dengan hemah setengah daripada raja-raja anak Harun al-Rasyid maka berkekalan mentakrif (mengarang) mereka itu beberapa banyak karangan maka tercawang daripada demikian itu hingga sekarang ini tib segala tibbi Farsi dan Hindi kemudian beratus-ratus pada demikian itu oleh segala Tibb Afranji(Eropah) maka menambah dan merengkah (mencipta) mereka itu beberapa banyak rengkahan yang ajaib pada hal kita jenis Melayu, aula dengan demikian itu dari kerana segala ubat-ubat itu pada bumi kita hingga adalah kebanyakan ubat mereka itu diambilkan daripada bumi kita⁹

Kitab yang dibincangkan ini juga banyak dipengaruhi secara langsung oleh sumber-sumber Arab. Dalam penulisan kitab ini pengarangnya mengambil beberapa maklumat daripada kitab-kitab perubatan Arab yang masyhur seperti *Kitab Tazkirah Ulil al-Bab wa Djami' lil-'Adjab al 'udjab* karya Daud Bin Umar al-Darir al-Antaki,¹⁰ juga dari kitab-kitab perubatan dalam bahasa Turki seperti *Qanun Chah* oleh Al- Chagmini.¹¹ Tidak ketinggalan pengetahuan perubatan daripada orang Melayu yang sahih dan boleh dipercayai juga dirujuk, seperti kata Syeikh Ahmad dalam kitabnya ini;

Telah kami pungutkan barang yang di dalam risalah ini daripada beberapa kitab yang mashur lagi muktabar dan kami bangsakan tiap-tiap perkataan pada mengubati kepada barang yang kami naqlakan(ambil) daripadanya dengan " " yang daripada intahi itu, melainkan yang sedikit daripada barang yang kami ambilkan daripada mulut setengah daripada bahasa Melayu yang kami percayai dengan katanya¹²

Sumbangan Syeikh Ahmad Fatani dalam bidang perubatan amat besar terutama kepada masyarakat Islam dan institusi agama seperti pondok dan pasantren di Asia Tenggara ini. Beliau pernah belajar dan mengajar agama dan ilmu perubatan ini di Mesir dan juga di Makkah. Kedua-dua tempat ini menjadi tumpuan pelajar-pelajar dari Asia Tenggara menuntut ilmu pengetahuan terutama ilmu agama serta ilmu-ilmu

⁹ Ibid., hal. 4

¹⁰ Lihat El, s.v. "al-Antaki"

¹¹ Nama kitab oleh al-Chagmini atau nama penuhnya Mahmud bin Umar Chagmini disebut oleh Cyril Elgood sebagai *QanunChi fi il-Tibb* yang merupakan ringkasan daripada Kitab *Qanun Fi Tibb* oleh Ibn Sina. Lihat Elgood, C., "Tibb-ul-Nabbi" dalam Osiris, hal. 43

¹² Wan Mohammad Saghir Abdullah, *Fatawa Tentang Binafang Dua Alam*, hal. 5

lain. Terdapat seorang murid beliau iaitu Tabib Raja Haji Ahmad Riau yang menjadi tabib terkenal dalam kesultanan Melayu Riau. Tabib Haji Ahmad Riau juga menghasilkan beberapa buah kitab perubatan, antaranya ialah kitab yang bertajuk *Risalah Rumah Ubat Raja Haji ahmad bin Raja Haji Hassan Pulau penyengat* yang dicetak di Pulau penyengat Riau dalam tahun 1894.¹³ Seorang lagi murid Sheikh Ahmad Fatani yang terkenal di Kelantan dan lebih masyhur dengan nama Tok Kenali, juga adalah seorang yang mahir dalam bidang perubatan. Kitab *Mujjarrabat-i-Darbi* yang popular dalam masyarakat Melayu dikatakan adalah karya beliau.¹⁴

Satu ciri menarik kitab ini ialah pengarangnya memberi ulasan tentang materia medika yang ditulisnya dari segi morfologi, habitat dan kegunaanya. Ini untuk membantu pembaca-pembaca Melayu memahami materia medika yang beliau gunakan yang kebanyakannya berasal dari Semenanjung Tanah Arab. Misalnya apabila beliau menyebut tentang buah "inab" (anggur), beliau memberikan catatan kaki pada kitabnya seperti berikut;

(Buah inab) iaitu daripada buah-buahan negeri Syam, merah warnanya, bulat burjur kadar seruas jari. di jualkan dia pada kedai buah-buahan orang Syam dan pada kedai-kedai rempah.¹⁵

Syeikh Ahmad Fatani juga tidak ketinggalan mencatatkan sumber dari mana beliau mendapat pengetahuan materia medika dan kaedah rawatan yang beliau masukkan dalam kitabnya ini. Nama-nama kitab ini akan disebutkan dihujung ayat yang merupakan preskripsi ataupun kaedah rawatan dengan singkatan *intaha (اثا)*.

¹³ Lihat Hamidy U. U., *Naskah Melayu Kuno daerah Riau* (Pekan baru: 1985). Keterangan bahawa Tabib Haji Ahmad Riau adalah murid kepada Syeikh Ahmad al-Fatani diperolehi dalam H.W.M. Saghir Abdullah, *Fatawa Tentang Binatang hidup dua alam*, hal. 53

¹⁴ Kenyataan ini dibuat oleh Winstedt dalam bukunya *The Malay Magician*, hal. 176. Tetapi kebenaran kenyataan ini masih diragukan lagi.

¹⁵ *Taiyib al-Ihsān*, hal. 9

Gaya penulisan kitab dan huraian yang terperinci menjadikan ia sebuah kitab yang popular kerana mudah digunakan oleh orang-orang Melayu yang biasa terdedah dengan tradisi kitab kuning seperti yang dipelajari di pondok-pondok di Malaysia. Sambutan yang menggalakan terhadap kitab ini di kalangan masyarakat Melayu boleh dilihat berdasarkan ulang cetak berkali-kali yang dibuat di Pulau Pinang dalam tahun 1950an.

6.2 Konsep Kesihatan dalam *Kitab Taiyib al-Ihsān*

Sebagai seorang ulama Islam mazhab Sunni, Sheikh Ahmad Fatani mempunyai pandangan yang agak tradisional tentang konsep kesihatan dan juga penyakit. Konsep sebab akibat Asyaariah dan konsep takdir dan tawakal mazhab sunni banyak mempengaruhi pemikiran perubatan ulama ini. Mengikut faham pengikut Asyaariah sebab berlakunya fenomena sakit dan sihat adalah ketentuan mutlak Allah. Oleh kerana setiap ruang dan waktu mempunyai pewakilan atom masing-masing maka tidak wujud satu kesinambungan yang jelas antara sebab akibat berlakunya sakit dan juga sebab akibat sembahnya penyakit.¹⁶ Semua yang berlaku mengikut faham golongan ini adalah semata-mata kerana kehendak Allah. Oleh itu seorang pesakit dan juga seorang yang merawat penyakit tidak akan dapat menjamin dapat memulihkan kesihatan badan kerana hak menyembuhkan penyakit adalah hak Tuhan. Segala usaha dan ubat boleh berkesan ataupun hanya sia-sia. Hanya dengan izin Allah penyakit akan sembuh dan ubat-ubatan memberi kesan terhadap badan. Sheikh Ahmad Fatani mengakui bahawa Allah adalah penyebab akhir segala hal yang berkaitan dengan fenomena sakit demam. Tetapi beliau seperti juga doktor Islam yang

¹⁶ Idea kasualiti Asyaariah ini banyak dibincangkan dalam beberapa tulisan. Lihat misalnya Levey, Martin, *Early Arabic Pharmacology*, hal. 40. Lihat juga Hairudin Harun, *Daripada Sains Yunani Kepada sains Islam*, hal.120 dan Osman Bakar, *Tawhid and Science*.

lain tidaklah sampai menolak bahawa dalam melaksanakan sesuatu Allah bertindak melalui sebab dan akibat tabii juga.¹⁷ Sebab musabab tabii ini diterangkan oleh Syeikh Ahmad Fatani dengan menggunakan doktrin Galenisme.

Walaupun Allah menurunkan penyakit dan berhak menentukan kesejahteraan atau kesihatan manusia tetapi Allah juga mempunyai sifat pengampun dan penyayang kepada makhluk lalu Dia juga akan menurunkan ubat bagi setiap penyakit kecuali penyakit yang tersangat serius atau kerana lambat diubati.¹⁸ Kesakitan dan penyakit akan dapat dihilangkan bila manusia dapat menemukan ubat yang betul dari berbagai-bagi ubat-ubat yang Allah turunkan. Oleh itu manusia dikehendaki terus berusaha mencari ubat yang sesuai untuk setiap penyakit. Dalam hal ini konsep takdir dan iktiar diharmoniskan sesuai dengan doktrin takdir ahli sunnah wal-Jamaah. Walaupun telah ditentukan ke atas manusia nasib masing-masing tetapi masih ada ruang untuk manusia beriktiar. Ini juga bererti bahwa tidak timbul fatalisme yang menjadikan manusia pesimis dan menyerah sahaja kepada apa yang berlaku.

Dalam pandangan Ahmad Fatani terdapat hubungan kasualiti antara sakit ataupun keuzuran dengan dosa. Kesakitan sama ada dalam bentuk penyakit atau lain-lain yang diturunkan kepada manusia ialah untuk manusia insaf dan bertaubat daripada dosa-dosa lalu yang mereka lakukan. Selain daripada itu sakit juga dikenakan oleh tuhan kepada seseorang untuk menguji kesabaran mereka. Oleh itu orang-orang yang bersabar dalam menempuh sesuatu penyakit akan mendapat pahala yang berlipat kali

¹⁷ Prof. Fazlur Rahman menghujahkan walaupun pandangan Asyaariah popular di kalangan pengikut ahli Sunnah wal Jamaah, tetapi dalam kehidupan sehari-hari baik kepada seorang petani ataupun seorang doktor dan juga pesakitnya, mereka cenderung memberi pertalian antara sebab dan akibat tanpa menafikan kemutlakan kuasa Tuhan. Lihat Fazlur Rahman, *Health and Medicine in Islamic Tradition*, hal. 16

¹⁸ Syeikh Ahmad dalam kitabnya menyebut dua penyakit iaitu berkudis di paru-paru dan "jazam" sebagai penyakit yang serius dan susah diubati ataupun pada tahap tertentu tak dapat diubati. *Kitab Taiyib al-Ihsān*, hal. 31 dan 52.

ganda dan kedudukannya disisi Allah akan lebih tinggi dan mulia. Jika Allah memberikan kesihatan kepada seseorang ia sebenarnya satu rahmat dan keuntungan yang perlu disyukuri oleh manusia. Pandangan Syeikh Ahmad Fatani tentang kesihatan dan penyakit dinyatakan di bahagian awal kitabnya ini seperti berikut;

Dan tiada menjadi ia akan penyakit melainkan telah mengada ia akan ubatnya. Dan mempersakitkan ia akan hamba supaya teringat ia akan dosanya yang membawa kepada taubatnya atau supaya dikifaratkan barang yang diusahanya dan dijabatnya. Atau supaya digandakan baginya pahala atau diangkatkan baginya martabatnya apabila sabar ia dan redha ia dan memandang ia akan jalal-Nya dan hebat-Nya. Maka sebesar-besarlah untung mereka yang syukurkan tuhan atas barang yang dikurniakan daripada sihatnya dan afiatnya¹⁹

Selain menerima faktor Tuhan sebagai penyebab utama dalam proses sakit demam atau kesejahteraan, fenomena sihat dan sakit juga diterangkan oleh Syeikh Ahmad Fatani dengan menggunakan kerangka teori doktrin Galenisme Arab. Dengan jelas disebutkan dalam kitab ini bahawa "...bahawasa sekelian penyakit itu jadi daripada cedera mizaj dengan sebab cedera setengah akhlat"²⁰ Maksud pengarang kitab ini ialah penyakit terjadi apabila temperamen (Ar.Mizaj) seseorang itu berubah. Perubahan temperamen ini bermula bila berlakunya perubahan humor dalam badan. Faktor-faktor yang boleh menyebabkan humor ini berubah adalah sama dengan "*sittah ad Dharuniyah*" yang disebutkan dalam Galenisme Arab. Tetapi Sheikh Ahmad Fatani hanya menyebut lima faktor dan bukan enam seperti yang biasa disebutkan dalam Galenisme. Lima faktor yang boleh mengubah humor ini disebut seperti berikut;

Setengah akhlat yang jadi cedera itu daripada cedera makanan atau minuman atau barang yang distikmalkan pada luar badan, atau tempat atau masa atau angin, atau tidur atau jaga, atau gerak atau diam, atau ihtibas ertiinya tertahan barang yang syainnya dikeluarkan atau istifraq ertiinya mencurahkan barang yang syain bahawa ditahanan daripada keluar atau pekerjaannya²¹

¹⁹ Kitab *Taiyib al-Ihsān*, hal. 2

²⁰ Ibid., hal. 6

²¹ Ibid.

Doktrin Galenisme sebagaimana yang diterangkan dalam bab yang lebih awal menekankan keseimbangan humor dalam badan sebagai asas kesejahteraan dan kesihatan tubuh badan. Tugas seorang tabib dan juga pesakitnya ialah mencari apa-apa cara untuk mencapai keseimbangan yang telah dirosakkan oleh faktor-faktor seperti pemakanan, cuaca dan cara hidup. Sungguhpun kesejateraan boleh dicapai dengan membaiki keseimbangan humor, tetapi kerana keyakinan ahli-ahli perubatan Islam termasuklah Sheikh Ahmad Fatani sendiri bahawa kuasa sebenarnya adalah di tangan Allah maka doa dan juga lain-lain cara perubatan rohaniah dan psikologi dapat memainkan peranan menyembuhkan penyakit dengan cara tersendiri.

6.3 Idea farmakologi dalam *Kitab Taiyib al-Ihsān*.

Sheikh Ahmad Fatani bukan sekadar seorang penulis biasa yang telah berjaya menulis sebuah farmakopedia tetapi lebih daripada itu beliau sendiri seorang tabib dan seorang ahli farmasi. Beliau membuat pemerhatian dan kajian terhadap materia medika yang sampai kepada pengetahuan beliau dan menguji keberkesanannya. Materia medika yang telah diujinya sendiri ini akan diberi komen khusus dalam kitabnya ini dengan menyebut ia sebagai "mujarab". Misalnya dalam memberikan preskripsi ubat sesak nafas disebut seperti berikut;

Barang siapa menelan inggu setengah dirham dan diperikutkan dia dengan satu gelas daripada air rebusan buah tin dan karawiya dan anisun dan jintan putih yang direndamkan di dalam cuka nescaya hilang daripadanya penyakit pichik nafas, mujarab. Dan demikian minum air manisan lebah dan air safron, mujarab.²²

²² Ibid., hal. 30

Kebanyakan materia medika ini telah beliau cuba ke atas diri beliau sendiri sebelum dicadangkan kepada orang lain. Seperti kata Sheikh Ahmad;

Dan ini ubat batuk kering - mengkhabarkan hamba oleh satu orang Melayu bahawasanya mengenai akan dia oleh batuk kering di Makah dan berubat ia sebagai berubat yang banyak dengan beberapa tabib maka tiada manfaatkan dia dan berpanjangan demikian itu atasnya hingga umpama lima bulan. Maka menunjukkan dia oleh seorang Melayu akan ubat yang lagi akan datang istikmal ia akan dia tiga pagi maka sembuh ia, Walhamdullilah. Yaitu kulit kayu manis dan jintan hitam bersamaan kadar keduanya atau terlebih banyak jintan hitam dan isi buah pala kadar tiga biji ditumbuk sekeliannya lumat-lumat kemudian dibahagikan ubat yang ditumbuk itu tiga bahagi maka dipudikan satu bahagi daripadanya dengan satu sudu daripada manisan lebah yang bersih daripada lilitnya serta sebiji merah telur dan diperembunkan dia pada malam dan diminumkan dia pada pagi-pagi. Kemudian maka minum ia akan cuka tiga teguk. Maka telah hamba cubakan ini ubat maka hamba dapat daripadanya manfaat yang nyata²³

Materia medika dalam *Taiyib al-Ihsān* terdiri daripada berbagai-bagai jenis dan asal-usul. Dari segi asal-usul kebanyakkan materia medika yang disebut berasal dari Semenanjung Tanah Arab (Hijaz) dan pengarang kitab ini selalunya memberi diskripsi yang amat jelas tentang morfologi dan habitat materia medika yang beliau cadangkan. Selain dari itu terdapat juga materia media yang berasal dari Kepulauan Melayu khususnya dari Tanah Melayu. Bahan yang dijadikan meteria medika datangnya dari jenis tumbuhan, haiwan dan juga galian. Terdapat juga bahan-bahan yang agak ganjil dijadikan materia medika, misalnya air kencing manusia, najis haiwan tertentu, susu perempuan hinggalah kepada geliga. Pemilihan bahan-bahan ini sebagai ubat mungkin banyak dipengaruhi oleh kitab-kitab perubatan Arab dan juga perubatan orang-orang Arab badwi di Semenanjung Tanah Arab.²⁴

²³ Ibid., hal. 27

²⁴ Penggunaan bahan-bahan ini selari dengan gambaran yang diberikan oleh M. Ullmann tentang penjagaan kesihatan di kalangan orang Arab terutama sebelum kedatangan Islam. Lihat Ullmann, M., *Islamic Medicine*, Bab 1

Syeikh Ahmad Fatani walaupun tidak menyatakan dengan jelas definisi ubat, tetapi dari huraian beliau, ubat boleh terdiri daripada makanan sehari-harian, ubat semata-mata, malah racun juga boleh menjadi ubat. Huraian lengkap Syeikh Ahmad Fatani mengenai hal ini adalah seperti berikut;

Fasal yang keenam pada segala barang yang datang atas badan daripada ubat... Bermula segala barang yang datang atas badan itu tiada sunyi daripada enam bahagi. Pertama; makanan yang semata-mata dan iaitu barang yang berubah ia daripada badan dan tiada mengubah ia akan badan dan menyerupa ia dengan badan, ertiya jadi ia ganti daripada barang yang terhurai daripada badan. Kedua; Ubat yang pertengahan dan iaitu barang yang berubah daripada badan dan tiada mengubah ia akan badan dan tiada menyerupa dengan dia. Ketiga; Makanan yang dibangsaan kepada ubat dan iaitu barang yang mengubah ia akan badan dan akhir kelakuannya berubah ia daripada badan dan menyerupa dengan badan. Keempat; Ubat semata-mata dan iaitu barang yang mengubah ia akan badan dan akhir kelakuannya berubah ia daripada badan dengan ketiadaan menyerupai dengan badan. Kelima; Ubat yang dibangsa kepada racun dan iaitu barang yang berubah daripada badan dan mengubah ia akan badan dan akhir kelakuannya membinasakan badan. Keenam; racun semata-mata dan iaitu barang yang tiada berubah daripada badan dan mengubah ia akan badan dan membinasakan akan dia²⁵

Bahan yang sesuai dijadikan ubat bergantung kepada temperamen pesakit dan juga khasiat ubat itu sendiri. Seperti kata pengarang kitab ini "...adalah benda yang satu itu ubat bagi satu orang sakit dan penyakit bagi orang sakit yang lain"²⁶ Bahan yang dimaksudkan oleh pengarang ini adalah bahan yang terdiri dari ubat semata-mata yang berkeupayaan mengubah sistem badan manusia. Oleh itu daripada semua bahan yang berkeupayaan dijadikan ubat Syeikh Ahmad Fatani lebih cenderung kepada penggunaan diet ataupun amalan pemakanan untuk memulihkan kesihatan yang hilang kerana makanan tidak akan meninggalkan kesan sampingan kepada badan walaupun tersilap ambil atau berlebihan dos.

²⁵ Kitab *Taiyib al-Ihsān*, hal. 11

²⁶ Ibid., hal. 13

Keunikan satu jenis ubat dan perbezaan khasiatnya dengan ubat yang lain bergantung kepada khasiat dalam bahan itu. Khasiat ini boleh digredkan kepada empat pangkat. Empat pangkat ini diberikan oleh Sheikh Ahmad Fatani seperti berikut;

Pertama; bahawa memberi bekas ubat dengan sebab kafiatnya sebagai memberi bekas yang tiada didapatkan pada pancaindera seperti mempanas atau sejuk ia sebagai panas atau sejuk yang tiada berasa dengan dia melainkan dengan berulang-ulang atau terbanyak seperti bunga warad dan Handaba. kedua; bahawa adalah memberi bekasnya terlebih kuat daripada demikian itu dengan sekira-kira didapatkan pada pancaindera tetapi tiada sampai kepada memberi mudharat dengan afthal badan sebagai mudarat yang nyata melainkan dengan berulang-ulang atau terbanyak seperti manisan lebah dan ketumbar dan halba. Ketiga; bahawa memberi bekas membawa kepada mudarat tetapi tiada sampai kepada membinasakan badan seperti halia dan daun bilam. Keempat; bahawa sampai memberi bekasnya kepada membinasakan seperti tuba tikus dan kapur barus. Dan bagi tiap-tiap pangkat itu tiga martabat, yang pertama, kedua dan ketiga²⁷

Setiap ubat dapat diubah khasiat ataupun keupayaannya dengan mencampurkannya dengan ubat yang berlainan khasiatnya. Ubat yang benar-benar kuat dan tidak sesuai kepada orang-orang yang lemah ataupun kepada kanak-kanak dapat disederhanakan dengan cara mengandungkannya dengan bahan lain. Ubat yang mudah membawa mudarat juga dapat dikawal dengan mengambilnya bersama bahan lain. Misalnya Syeikh Ahmada Fatani mencadangkan mur sebagai ubat untuk suara parau sungguhpun mur ini memudaratkan badan. Untuk menghilangkan mudarat ini mur ini hendaklah diambil serentak dengan mustaki.²⁸ Sungguhpun mencampurkan materia medika memberikan beberapa sifat baru yang dikehendaki oleh seseorang ahli farmasi seperti Syeikh Ahmad Fatani tetapi beliau lebih cenderung kepada ubat yang terdiri daripada satu bahan sahaja ataupun disebut ubat tunggal. Kata Syeikh Ahmad Fatani;

²⁷ Ibid., hal. 11

²⁸ Ibid., hal. 25

Bermula mengubati dengan ubat tunggal itu afdhal daripada mengubati dengan ubat yang bersusun dan mengubati dengan ubat yang bersusun daripada dua perkara ubat itu afdhal daripada mengubati dengan yang bersusun daripada tiga perkara ubat²⁹

Prinsip perubatan yang digunakan oleh Syeikh Ahmad Fatani adalah prinsip alopati iaitu merawat sesuatu penyakit dengan ubat yang mempunyai sifat yang berlawanan. Prinsip yang menjadi ciri perubatan Galenik ini mudah diintegrasikan dalam sistem perubatan Melayu kerana pembahagian sejuk-panas dalam alam ini telah menjadi sebahagian dari pandangan alam masyarakat pribumi dan bukanlah sesuatu yang asing. Syeikh Ahmad Fatani memberi huraian yang kemas tentang aspek fisiologi manusia dengan menerangkan sifat-sifat humor dalam badan dan apakah sifat berlawanan yang boleh mengubahnya. Huraian beliau tentang hal ini adalah seperti berikut;

Bahawa darah itu panas basah dan safra panas kering dan balgham sejuk basah dan sauda sejuk kering. Maka tiap-tiap khalat itu diubatkan dengan ubat yang melawaninya pada dua sifatnya itu dan pada salah satu daripada keduanya. Maka ubat darah itu tiap-tiap ubat yang sejuk kering. Dan ubat safra tiap-tiap yang sejuk basah. Dan ubat balgham tiap-tiap yang panas kering. Dan ubat sauda tiap-tiap yang panas basah³⁰

Bahan-bahan untuk dijadikan ubat dikenalpasti khasiatnya terlebih dahulu. Walaupun kitab ini tidak memberikan kaedah khusus untuk mengenalpasti khasiat tetapi dari pembahagian yang dibuat oleh pengarangnya menunjukkan ia dilakukan berdasarkan rasa bahan itu. Teknik rawatan bukan sahaja dengan memberi ubat yang berlawanan sifatnya tetapi juga dengan cara berpantang. Orang yang mengidap sakit yang dikenal pasti sebagai sejuk seperti demam malaria akan ditegah dari memakan

²⁹ Ibid., hal. 13

³⁰ Ibid., hal. 9

makanan yang sejuk juga seperti buah labu sebaliknya digalakkan memakan makanan yang panas seperti halia.

Sheikh Ahmad Fatani menekankan dalam kitabnya cara penyelengaraan ubat yang betul dan bijaksana. Ubat yang bertujuan membersihkan humor dalam badan dicadangkan diberi ketika ia sedang suam. Ubat yang dingin pula disyorkan digunakan untuk membuang penyakit dari badan. Jika tujuan ubat itu untuk memecahkan anasir dalam badan ia hendaklah dalam keadaan panas. Ubat yang hendak diambil secara oral pula mestilah mempunyai rasa dan bau yang enak dan sebaiknya diambil bersama air sejuk. Huraian pengarang kitab ini dalam hal ini adalah seperti berikut;

Bermula tiap-tiap ubat yang dikehendaki daripadanya membersihkan badan itu jika ditanggungkan atas badan seperti ditempek atau diberi minum maka hendaklah ia suam panas. Dan tiap ubat yang menolakkan dan menahankan dan mengembalikan penyakit itu hendaklah ia dingin. Dan tiap-tiap ubat yang memecahkan atau menghuraikan hendaklah ia panas. Dan manakala dikehendaki memanaskan satu anggota yang sakit pada luar atau pada dalam hendaklah diistikmalkan ubat yang suam. Dan manakala ditakutti daripada istikmal ubat akan muntah hendaklah diistikmalkan dengan air sejuk³¹

Untuk mempercepatkan tindakbalas ubat ke atas badan Sheikh Ahmad Fatani bersetuju pesakit berkenaan mengambil pencahar yang sederhana yang boleh mengosongkan perutnya. tetapi beliau tidak bersetuju pesakit itu berlapar terlebih dahulu sebelum daripada mengambil ubat kerana ia boleh memudaratkan pesakit.³²

Kaedah Perubatan Nabi walaupun tidak nampak ketara dalam kitab ini tetapi masih menjadi satu asas kukuh teori farmakologi kitab ini. Satu kesimpulan yang dipermudahkan yang berasal dari ajaran Tibb al-Nabawi telah dimasukkan oleh pengarang di bahagian akhir kitab ini. Kata pengarang kitab ini,

³¹ Ibid., hal. 12

³² Ibid., hal. 10

Maka tiada sayugia minum air kemudian daripada makan makanan yang masin atau kemudian daripada makan buah-buahan, dan tiada harus makan inab serta minyak saman kerana besar dharuratnya. Maka tidak pula makan ikan berserta air susu kerana membawanya kepada mati³³

Petikan di atas menunjukkan pengaruh doktrin Tibb al-Nabawi khususnya mengenai larangan supaya jangan dicampur adukkan antara memakan ikan dan susu. Asal prinsip pemakanan ini bermula daripada satu hadis yang berasal daripada Nabi Muhammad S.A.W. yang melarang sahabat-sahabat beliau memakan dua jenis makanan ini dalam satu masa.

Selain daripada pemilihan materia medika berdasarkan prinsip Galenisme Arab dan juga Tibb al-Nabawi, terdapat juga pemilihan materia medika berdasarkan simbol-simbol. Misalnya dalam kitab ini disebutkan bahawa penyakit basah paru-paru dapat disembuhkan dengan hanya mengantung paru-paru kambing sehingga kering kepada pesakit yang berkenaan.³⁴ Preskripsi ini disebut oleh pengarangnya tanpa sebarang ulasan. Kaedah rawatan ini kemungkinan diambil daripada perubatan popular masyarakat Arab di mana Syeikh Ahmad Fatani dapat perhatikan semasa beliau berada di Makkah dan ketika mengembara ke Mesir.

Kitab *Taiyib al-Ihsān* ini menonjolkan ketokohan Syeikh Ahmad Fatani sebagai seorang tabib dan sekaligus sebagai seorang ahli farmasi. Sebagai seorang tabib, beliau menekankan penggunaan kaedah-kaedah saintifik yang lazim digunakan dalam perubatan Arab seperti cara penjenisan penyakit, aspek diagnosis, kepentingan ilmu fisiologi yang memberi kefahaman tentang humor serta temperamen dan juga aspek pencegahan penyakit.

³³ Ibid., hal. 58

³⁴ Ibid., hal. 36

Sebagai seorang ahli farmasi, Sheikh Ahmad Fatani mencapai satu tahap yang mengagumkan. Dia amat bersungguh dan menitikberatkan penyediaan ubat dan kepentingan menyediakan rawatan yang lebih baik dan berkesan. Pengetahuan tentang materia medika merangkumi materia medika yang terdapat di Timur Tengah dan juga Asia Tenggara meliputi aspek taksonomi dan khasiatnya. Dia juga menerangkan beberapa cara penyediaan ubat dan cara penyelenggaraan yang beliau temui sendiri hasil pengalaman dan interaksi dengan berbagai-bagai golongan manusia. Malah beliau sendiri mencuba ubat-ubat yang beliau pelajari untuk mengetahui kesan dan kemujarabannya.

Karya Syeikh Ahmad Fatani ini menepati tujuan asal sebagaimana yang beliau nyatakan dalam bahagian awal Kitab ini iaitu memberikan satu rujukan yang mudah kepada orang-orang yang berminat mempelajari dan mengamalkan ilmu perubatan. Cara beliau menyusun kitab ini dan ditambah pula dengan keterangan-keterangan tambahan tentang sesuatu konsep atau materia medika baru memudahkan lagi orang-orang yang tidak biasa dengan ilmu perubatan mempelajarinya. Rujukan-referensi yang beliau sebut dalam kitab beliau ini memperlihatkan pengarangannya sebagai seseorang yang bertanggungjawab terhadap ilmu perubatan.

Melihat secara umum karya ini kesimpulan yang dapat dibuat ialah: Pertama, jenis-jenis penyakit dengan materia medika yang sesuai digunakan telah dikumpulkan oleh Syeikh Ahmad Fatani dalam kitabnya ini disusun secara sistematik dan mudah difahami. Kedua, sumber maklumat yang gunakan oleh Syeikh Ahmad Fatani dalam kitabnya ini adalah luas iaitu merangkumi sumber Arab dan juga dunia Melayu. Ketiga, beliau adalah seorang pemerhati yang teliti dan peka dan menulis materia medika yang sesuai dengan begitu berhati-hati sekali. Dalam keadaan tertentu ia membuat sintesis

dan ubahsuai untuk menyesuaikan dengan tempat dan masyarakat Melayu yang mana kitab ini ditujukan.

Adalah wajar untuk membuat satu kesimpulan bahawa diskripsi, huraihan dan maklumat yang dikumpulkan oleh Syeikh Ahmad Fatani dalam *Kitab Taiyib al-Ihsān Fi Tibb al-Insān* ini telah menyebabkan idea-idea perubatan Galenisme Arab terus hidup dalam masyarakat Melayu selain daripada memberikan sumbangan yang besar dalam bidang penjagaan kesihatan dan farmakologi kepada umat Islam di Asia Tenggara.